

16 JUN 2002

Ling-Kompromi

LING GESA SEMUA MASALAH DISELESAI SECARA KOMPROMI

SEREMBAN, 16 Jun (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik menggesa semua anggota parti itu berkompromi bagi menjayakan formula agenda damai parti itu.

"Bagi beberapa negeri yang belum mencapai persetujuan, saya menggalakkan mereka duduk berbincang untuk cari kompromi kerana ia bukan satu kelemahan tetapi sebaliknya boleh membawa kerjasama dan perpaduan, kompromi adalah satu kekuatan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan MCA Negeri Sembilan di Dewan Majlis Perbandaran Seremban di sini, hari ini.

Setakat ini agenda damai parti itu yang disyorkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjalan lancar dan hampir 99 peratus masalah yang timbul dapat diselesaikan dengan baik, kecuali ada beberapa masalah lagi di peringkat Pemuda.

Sambil menyifatkan dirinya sebagai ayah dalam satu keluarga besar seperti MCA, Dr Ling berkata, ada anak (anggota parti) yang mengkritik dan kadang-kadang nakal, tetapi semuanya mesti ditangani dan diberi kasih sayang dan tidak harus dimarah atau dipukul.

"Kita perlu memberi kasih sayang dan membawa semua anak-anak balik kepada keluarga yang harmoni dan inilah harapan saya dalam MCA dan saya gembira banyak yang tepuk tangan dan menyokong cara seperti ini," katanya.

MCA mempunyai banyak rancangan yang perlu dikendalikan secara berhati-hati dan jika sesuatu projek itu berjaya dilaksanakan dengan baik seperti Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), ia akan dapat membawa banyak faedah kepada rakyat.

Diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik akan dijalankan dalam Bahasa Inggeris di semua peringkat sekolah rendah dan menengah mulai tahun depan, beliau berkata jika Kabinet bersetuju, beliau akan menyokong keputusan itu.

"Saya percaya semua rakyat juga akan setuju dan menyokongnya untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris," katanya.

Bahasa Inggeris merupakan bahasa ilmu dan jika terjemahan dibuat, ia tidak dapat dilakukan dengan cepat dan oleh itu perlu kanak-kanak menguasai bahasa itu supaya mereka tidak ketinggalan berbanding negara lain, katanya.

-- BERNAMA

APG PR